

BERITA HARIAN

DATE: 21 / 12 / 2007

Iktibar ibadat korban perlu dihayati: Abdullah

BH- 21/12/2007

Aidiladha turut menuntut pengorbanan ikhlas demi negara, masyarakat

Oleh Fazli Abdullah
dan Faiza Zainudin

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Aidiladha bukan setakat berkorban dengan menyembelih binatang, tetapi kesediaan untuk berkorban apa saja secara ikhlas dan halal demi kepentingan negara serta kebajikan masyarakat.

Perdana Menteri juga berkata, umat Islam perlu mengambil iktibar daripada ibadat korban yang dilaksanakan sempena Aidiladha untuk membantu sesama insan dalam apa jua keadaan dan musibah.

Katanya, pengorbanan juga perlu dilakukan dilakukan sepanjang masa, bukannya terhad pada hari raya.

"Pengorbanan bukan setakat menyembelih binatang ternakan bagi memenuhi tuntutan Aidiladha, malah kesanggupan berkorban masa dan tenaga bagi membantu golongan memerlukan, kerana ia mencakupi pelbagai aspek dalam kehidupan.

"Ada pelbagai cara untuk umat Islam melakukan ibadat korban antaranya menderma wang ringgit dan buku sekolah untuk tujuan yang baik dan berfaedah bagi kebajikan serta manfaat semua," katanya.

"Kita juga boleh berkorban dengan membantu mangsa banjir dengan menolong memindahkan mangsa, mengangkut barang dan menjaga keperluan serta kebajikan mereka," katanya ketika berucap di Majlis Korban Bersama Perdana Menteri di Ru-

“*Jika tidak ada pengorbanan, maka tiada kejayaan. Sesuatu kejayaan mesti menempuh rintangan”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

mah Sejarah di sini, yang dianjurkan oleh DiGi Telecommunications Sdn Bhd (DiGi).

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan daging korban kepada anak yatim dari rumah kebajikan di sini. Turut hadir, Datin Seri Jeanne Abdullah dan Pengarah Strategi dan Hal Ehwal Korporat DiGi, Tunku Alizakri Alias.

DiGi menyumbangkan sebanyak 200 ekor lembu untuk dikorbankan di seluruh negara, termasuk 35 ekor bagi Parlimen Kepala Batas.

Sebanyak 134 ekor lembu dan unta dikorbankan di Pusat Penyembelihan Permatang Bertam, semalam, yang disumbangkan pelbagai pihak. Daging korban diagihkan kepada orang miskin dan anak yatim di kawasan Parlimen itu.

Perdana Menteri berkata, pengorbanan amat besar maknanya dan seseorang perlu melakukannya apabila berhadapan dengan cabaran atau ujian untuk memastikan rintangan itu dapat diatasi.

Bagaimanapun, beliau menegaskan seseorang itu tidak boleh berkorban untuk sesuatu perkara yang ditegah oleh Islam.

"Jika tidak ada pengorbanan, maka tiada kejayaan. Sesuatu kejayaan mesti menempuh rintangan. Orang yang dapat mengatasinya dengan sabar dan bersungguh-sungguh saja yang akan berjaya," katanya.

Abdullah turut memuji sektor korporat seperti DiGi yang prihatin dengan menyumbang ternakan untuk ibadat korban dan berharap lebih banyak pihak akan tampil memberi sumbangan pada masa depan.

Terdahulu, Abdullah dan isteri bersama kira-kira 1,000 jemaah menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Al-Jamiul Badawi, diikuti majlis tahlil.

Selepas itu, Perdana Menteri dan isteri menziarahi pusara ibu bapa beliau, Allahyarham Ahmad Badawi Abdullah dan Allahyarham Datuk Kaïlan Hasan di pekarangan masjid itu.